



**PERUTUSAN**  
**YBHG. DATO' Ir. Ts. HAJI MASRI BIN BAHARUDDIN**  
**DATUK BANDAR**  
**MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**

**MESYUARAT MAJLIS PENUH BIL.4/2026**  
**PADA 27 APRIL 2026 (ISNIN) JAM 9.30 PAGI**

**BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM**

Assalamualaikum dan Selamat Sejahtera. Salam Seremban Mampan Bersih Sejahtera.Salam Malaysia MADANI.

1. Yang dihormati barisan Ahli Majlis, Setiausaha, barisan Ketua Jabatan dan Ketua Unit, pegawai - pegawai, rakan media serta para hadirin yang saya hormati sekalian.
  
2. Saya juga mengalu-alukan kehadiran YB:
  - I. YB Tuan Loke Siew Fook, Ahli Parlimen Seremban;
  - II. YB Tuan Cha Kee Chin, Ahli Parlimen Rasah;
  - III. YB Tuan Arul Kumar a/l Jambunathan, ADUN Nilai;
  - IV. YB Puan Nicole Tan Lee Koon, ADUN Bukit Kepayang;
  - V. YB Hajah Tengku Zamrah Tengku Sulaiman, ADUN Ampangan;
  - VI. YB Datuk Haji Mohd Asna bin Amin, ADUN Lenggeng;
  - VII. YB Dato' Gunasekaran a/l Palasamy, ADUN Seremban Jaya;
  - VIII. YB Tuan Yap Yew Weng, ADUN Mambau;
  - IX. YB Tuan Ng Chin Tsai, ADUN Temiang;
  - X. YB Tuan Siau Meow Kong, ADUN Rahang
  - XI. YB Tuan Chew Seh Yong, ADUN Lobak

3. Alhamdulillah, puji dan syukur kepada Illahi di atas pelbagai kurniaan dan anugerah yang tidak terhitung buat kita semua. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, keluarga dan sahabat Baginda serta mereka yang mengikut jejak langkah Baginda hingga ke hari kesudahan.

YB / YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

4. Alhamdulillah, meskipun kita telah melangkaui bulan Syawal, saya ingin mengajak kita semua agar terus mengekalkan roh dan semangat Aidilfitri dalam kehidupan seharian. Budaya kunjung-mengunjungi, saling memaafkan serta menghargai antara satu sama lain wajar diteruskan, kerana di situlah terbinanya hubungan kerja yang harmoni dan penuh keikhlasan. Janganlah semangat ini terhenti sekadar musim perayaan, sebaliknya biarlah ia menjadi amalan yang mengukuhkan silaturahim dalam keluarga besar Majlis Bandaraya Seremban.

YB / YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

5. Pada Mesyuarat hari kita bukan sekadar beromong kosong sahaja, tetapi untuk menilai realiti semasa dan bersedia menghadapi cabaran yang bakal mendatang dalam tempoh enam bulan ke hadapan.
6. Sebagai sebuah Pihak Berkuasa Tempatan, Majlis Bandaraya Seremban (MBS) tidak terkecuali daripada tekanan semasa yang sedang dihadapi oleh seluruh PBT di Malaysia. Terdapat 4 cabaran

yang saya gariskan dan perlu kita tangani lebih bijak dan mewujudkan situasi menang-menang iaitu :

### **Cabaran 1: Tekanan Kos Operasi & Kecekapan Sumber**

7. Kita kini berhadapan dengan peningkatan kos operasi akibat krisis tenaga global. Sehubungan itu, Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengarahkan semua PBT untuk melaksanakan langkah penjimatan tenaga.
8. Perkara ini termasuk penetapan suhu penyaman udara kepada 24°C, Pengoptimuman penggunaan elektrik, Pelaksanaan Bekerja Dari Rumah (BDR) serta mengoptimalkan penggunaan kenderaan tanpa menjejaskan pengoperasian harian MBS.
9. Bagi MBS, ini bermakna kita perlu bergerak ke arah pengurusan kewangan yang lebih berhemat tetapi berimpak tinggi. Kita perlu berhemah di dalam berbelanja, sebaliknya perlu memastikan setiap ringgit memberi nilai kepada rakyat. Saya memohon untuk Jabatan Kewangan memantau perbelanjaan yang dilakukan jabatan dalam memastikan perbelanjaan berhemat dapat dilaksanakan.

### **Cabaran 2 pula ialah Isu Banjir Bandar, Cerun Runtuh & Perancangan Mampan**

Hadirin yang dihormati,

10. Isu banjir bandar masih menjadi cabaran utama kita di Seremban. Isu ini bukan sahaja berpunca daripada faktor cuaca, tetapi juga: kelemahan sistem saliran, pembangunan di kawasan berisiko dan pengurusan sisa yang tidak efisien
11. Dalam tempoh enam bulan akan datang, MBS perlu memperkukuh penyelenggaraan sistem perparitan, meningkatkan koordinasi dengan agensi seperti JPS dan agensi teknikal dan memperkenalkan pendekatan infrastruktur hijau (*green infrastructure*). Ini selaras dengan prinsip pembangunan bandar mampan yang digariskan dalam dasar perancangan negara.
12. Dalam pada itu, isu cerun runtuh juga sering membelenggu pihak MBS, apa saya perhatikan salah satu faktor yang dihadapi ialah kelemahan menyediakan rekabentuk stabil dalam setiap projek yang dilaksanakan. Rekabentuk yang tepat amat penting dalam mengelakkan sebarang pergerakan cerun berlaku. Kegagalan jurutera perunding merekabentuk akan meningkatkan lagi kos projek serta membahayakan keselamatan awam.
13. Saya inginkan tegaskan bahawa kegagalan jurutera perunding di dalam mematuhi code of ethics akan dilaporkan terus kepada *Board of Engineer* dan tindakan tegas akan dikenakan.

**Seterusnya, Cabaran 3 ialah Pengurusan Sisa & Kebersihan Bandar.**

14. Isu kebersihan bandar bukan lagi isu kecil. Ia berkait langsung dengan kesihatan awam, imej bandar, risiko bencana seperti banjir MBS akan memberi penekanan kepada pengurusan sisa pepejal yang lebih sistematik, pendidikan awam berkaitan tanggungjawab kebersihan, penerokaan konsep ekonomi kitaran (circular economy).

**Cabaran 4 pula: Penguatkuasaan yang Lebih Tegas dan Berhemah Dalam memastikan kesejahteraan bandar, aspek penguatkuasaan tidak boleh dikompromi.**

15. Dalam tempoh mendatang, kita akan memperkukuh tindakan terhadap struktur tanpa kelulusan, penjaja tanpa lesen dan pelanggaran undang-undang kecil. Oleh yang demikian, jabatan yang mempunyai peruntukan kuasa bagi penguatkuasaan perlu melaksanakan penguatkuasaan secara tegas dan tidak berkompromi dalam memastikan kesejahteraan bandaraya Seremban terus dikekalkan.

Hadirin sekalian,

16. Tempoh enam bulan akan datang bukanlah tempoh yang mudah. Namun, saya yakin dengan komitmen dan kesungguhan seluruh warga MBS, kita mampu Mengurus cabaran dengan bijaksana, Menyampaikan perkhidmatan yang berkualiti dan terus memacu pembangunan bandaraya Seremban.

17. Dalam masa yang sama, saya ingin menekankan bahawa kita semua adalah pemimpin, tidak kira di peringkat mana kita berada. Setiap tindakan, keputusan dan cara kita berinteraksi mencerminkan kepimpinan yang kita bawa. Mesyuarat yang kita laksanakan bukan sekadar rutin, tetapi merupakan platform yang terbaik untuk kita berbincang secara terbuka, menyumbang idea dan mencari penyelesaian secara kolektif demi kebaikan organisasi.
18. Oleh itu, saya berharap agar kita dapat mengetepikan sebarang perasaan tidak sihat, ego atau prasangka. Kita perlu membina suasana yang positif, saling menyokong dan mempercayai antara satu sama lain. Anggaphlah kita sebagai satu keluarga besar MBS yang sentiasa bergerak seiring, saling melengkapi dan belajar daripada setiap pengalaman. Ambillah setiap cabaran sebagai iktibar untuk kita menjadi lebih matang, profesional dan berintegriti dalam melaksanakan amanah yang diberikan.
19. Dalam konteks ini juga, saya ingin menegaskan bahawa kita berada di bawah satu payung yang sama, iaitu Majlis Bandaraya Seremban. Di sini, kita tidak membezakan agama, bangsa mahupun latar belakang, sebaliknya kita berdiri sebagai satu pasukan yang bersatu hati dan bersatu matlamat. Kepelbagaian yang kita miliki ini bukanlah penghalang, tetapi merupakan kekuatan yang menjadikan organisasi kita lebih matang, inklusif dan dihormati. Justeru, marilah kita terus memupuk semangat perpaduan ini agar MBS kekal kukuh sebagai sebuah organisasi yang harmoni dan berprestasi tinggi.

20. Sehubungan itu juga, marilah kita terus mengamalkan prinsip ***Bulat air kerana pembentung, Bulat kata kerana muafakat***. Setiap keputusan yang dibuat secara bersama akan menjadi lebih kukuh, lebih diterima dan lebih berkesan dalam pelaksanaannya. Apabila kita bersatu hati dan saling menghormati pandangan, maka segala cabaran dapat kita hadapi dengan lebih mudah dan tersusun. Inilah kekuatan sebenar kita sebagai satu pasukan di Majlis Bandaraya Seremban.

YB / YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

### **PELAPORAN JABATAN KEWANGAN**

21. Sehingga 19 April 2026, prestasi kutipan Cukai Taksiran Majlis Bandaraya Seremban adalah seperti berikut:-

(a) Cukai Taksiran

Sasaran 85% Bil Semasa 2026 (RM73.29 Juta)

Prestasi = **RM67.10j (77.82%)**

(b) Sasaran 30% Tunggakan (RM28.97 Juta)

Prestasi = **RM7.32j (7.58%)**

(c) Sasaran 100% Bajet Cukai (RM167 Juta)

Prestasi = **RM83.67j (50.10%)**

(d) Sasaran Terimaan Hasil 100% (RM257.5 Juta)

Prestasi = **RM112.15j(43.55%)**

(e) Belanja Mengurus (RM256.80 Juta)

Prestasi = **RM67.85j (26.42%)**

(f) Belanja Pembangunan (RM13.70 Juta)

Prestasi = **RM4.63j (33.82%)**

22. Manakala ketimbang pada 20 April 2025 adalah seperti di paparan. Perkara ini mencerminkan selaras dengan tema Belanjawan MBS 2026, iaitu **“Membangun Bersama, Berkongsi Hasilnya”**

YB / YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

23. Pada 19 April yang lalu, satu Bengkel Belanjawan MBS 2027 telah berjaya dilaksanakan dengan menekankan kepada tiga (3) Bidang Fokus Utama (*Key Results Area-KRA*) di dalam Belanjawan 2027 iaitu,

- I. KRA pertama ialah Pengumpulan & Penjanaan Kekayaan dengan:-
  - a. Meneroka sumber hasil baharu;
  - b. Menyemak dan mengkaji kadar / tarif;
  - c. Menguatkuasakan peraturan dan undang-undang secara berhemah;
  
- II. KRA kedua pula Perlindungan & Pengagihan Kekayaan dengan cara:-
  - a) Mengawal rezab;
  - b) Mengawal defisit belanjawan dengan menyediakan belanjawan berimbang.
  
- III. Dan KRA ketiga ialah Pemantauan Kekayaan dengan mengurus kewangan dengan berintegriti.

24. Dalam pada itu, Belanjawan 2027 juga akan menumpukan kepada keberkesanan program dan aktiviti serta penyelarasan bersepadu antara jabatan-jabatan. Sehubungan dengan itu, saya menyeru agar setiap jabatan dapat merancang dan melaksanakan program dengan lebih strategik, berimpak tinggi serta berorientasikan hasil, selaras dengan keutamaan dan keperluan semasa organisasi.

SUMBER : JABATAN KEWANGAN

YB / YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

## **PELAPORAN JABATAN KESIHATAN PERSEKITARAN**

25. Sehingga 31 Mac 2026, MBS telah menjalankan aktiviti ;

- Kawalan *fogging* di **9,355** buah premis
- *ULV* di **10,049** buah premis
- *Larvaciding dan Source reduction* di **113** lokaliti
- Gotong royong di **26** buah taman

26. Selain itu, laporan bagi tanah perkuburan di bawah seliaan MBS mulai 1 Januari 2026 hingga 31 Mac 2026 mencatatkan;

**a) Tanah Perkuburan Islam Senawang Fasa 2**

62 pengebumian jenazah

**b) Tanah Perkuburan Islam Ainsdale**

16 pengebumian jenazah

**c) Tanah Perkuburan Kristian Sendayan**

5 pengebumian

**d) Tanah Perkuburan Islam Nilai** yang dibuka pada 15 April 2022, sehingga kini masih tiada jenazah yang dikebumikan di tanah perkuburan ini.

27. Sepanjang bulan Ramadan tahun 2026, pihak jabatan telah melaksanakan pemantauan di 31 lokasi penganjuran bazar Ramadan di seluruh kawasan pentadbiran MBS. Pemantauan ini merangkumi aspek pematuhan terhadap keselamatan dan kebersihan makanan, tahap pematuhan pengendali makanan, serta pelaksanaan Kempen Seremban Bebas Plastik.
28. Bagi pemeriksaan pengendali makanan, daripada keseluruhan yang diperiksa, sebanyak 89.33% didapati mematuhi keperluan di bawah Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009, termasuk suntikan tifoid, kehadiran kursus pengendali makanan serta pemakaian pakaian pelindung yang ditetapkan.
29. Manakala bagi pelaksanaan Kempen Seremban Bebas Plastik, sebanyak 717 petak perniagaan didapati mematuhi larangan penggunaan plastik sekali guna, manakala 687 petak lagi masih tidak mematuhi. Sehubungan itu, pihak jabatan telah mengeluarkan arahan lisan kepada peniaga yang terlibat bagi memastikan pematuhan terhadap ketetapan pelaksanaan kempen ini.

30. Pada bulan ramadan yang lalu sewaktu program agihan bubur lambuk di Bazar Ramadan Stadium Paroi, saya, En. Abdul Malek bin Adam dan En. Mohd Fadhil bin Md. Zain, Ahli Majlis MBS juga berkesempatan untuk mengedarkan cenderamata berupa bekas makanan biodegradasi serta beg jute kepada peniaga sebagai sebahagian daripada usaha mempromosikan Kempen Seremban Bebas Plastik. Program ini, turut diperluaskan di Bazar Ramadan Putra Nilai yang disempurnakan oleh Tuan Setiausaha MBS. Terima Kasih kepada kesemua pihak dan jabatan yang terlibat dalam program yang diadakan ini.

*SUMBER : JABATAN KESIHATAN PERSEKITARAN*

YB / YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

### **PELAPORAN JABATAN PELESENAN & PEMBANGUNAN USAHAWAN**

31. Untuk makluman ahli mesyuarat, Majlis Bandaraya Seremban (MBS) melalui Jabatan Pelesenan & Pembangunan Ushawan telah mengadakan temuduga gerai, pasar, mykiosk, pusat penjaja milik MBS bagi Zon Seremban pada 2 April 2026 di Bilik Pameran, Dewan MBS.
32. Temuduga ini merupakan sebahagian daripada inisiatif Majlis dalam memastikan proses pemilihan peniaga dilaksanakan secara telus, adil dan berintegriti, di samping memberi peluang kepada usahawan tempatan yang benar-benar layak untuk menjalankan perniagaan di premis milik MBS. Penilaian dibuat secara menyeluruh meliputi aspek kelayakan, komitmen, pengalaman serta kesesuaian jenis perniagaan

yang dicadangkan agar selari dengan keperluan setempat dan perancangan pembangunan Majlis.

33. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Ahli-Ahli Majlis MBS yang telah bertindak sebagai panel temuduga, atas komitmen dan sumbangan dalam memastikan proses ini berjalan dengan lancar dan berkesan. Diharapkan usaha ini dapat melahirkan usahawan yang berdaya saing, berdisiplin serta mampu menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi setempat, sekali gus memastikan kemudahan yang disediakan oleh MBS dimanfaatkan secara optimum.

*SUMBER : JABATAN PELESENAN & PEMBANGUNAN USAHAWAN*

YB / YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

### **PELAPORAN JABATAN UNDANG-UNDANG & PENGUATKUASAAN**

34. Jabatan Undang-Undang & Penguatkuasaan, MBS telah mengambil tindakan penguatkuasaan kompaun mulai 1 Januari hingga 15 April 2026. Pengeluaran kompaun dan amaun adalah seperti berikut;

<b>RINGKASAN PENGELUARAN KOMPAUN MENGIKUT AKTA BERDASARKAN TARIKH 01/01/2026 HINGGA 15/04/2026</b>		
JUMLAH BILANGAN KOMPAUN	<b>162,045</b>	
NILAI AMAUN	<b>RM8,724,690.00</b>	
BILANGAN KOMPAUN BERBAYAR	<b>58,163</b>	<b>36%</b>
NILAI AMAUN BERBAYAR	<b>RM1,027,293.00</b>	<b>11.7%</b>

35. Untuk makluman, sebanyak **9,626 kompaun** telah dikeluarkan dan sebanyak **2,413 kertas siasatan** telah dibuka sehingga 31 Januari 2026 ini.

*SUMBER : JABATAN UNDANG-UNDANG & PENGUATKUASAAN*

YB / YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

### **PELAPORAN UNIT AUDIT DALAM**

36. Bagi terus mempertingkatkan tahap tadbir urus, integriti serta kecekapan pengurusan Majlis Bandaraya Seremban, Unit Audit Dalam (UAD) telah melaksanakan beberapa pengauditan strategik sepanjang tempoh Januari hingga Mac 2026.
37. Pelaksanaan ini merangkumi;
- I. Pengauditan Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB),
  - II. Pengauditan Kemudahan Awam khususnya taman awam,
  - III. pengesahan bil elektrik bagi tahun 2025,
  - IV. Pengauditan susulan terhadap isu-isu berbangkit tahun 2025 pada Februari dan Mac 2026,
  - V. Semakan Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (Star Rating),
  - VI. Semakan terimaan dan bayaran Caj Pemajuan pada Mac 2026.

38. Saya ingin menegaskan bahawa fungsi audit bukan sekadar memastikan pematuhan, tetapi merupakan mekanisme semak dan imbang yang kritikal dalam memastikan setiap perancangan dan pelaksanaan dilaksanakan secara telus, berakuntabiliti dan berimpak tinggi.
39. Sehubungan itu, saya yakin melalui pelaporan audit yang berkualiti dan berfokus, kita bukan sahaja dapat menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan, malah memperkukuhkan kepercayaan masyarakat terhadap keupayaan serta kredibiliti Majlis Bandaraya Seremban.

SUMBER : UNIT AUDIT DALAM

YB / YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

### **GREEN WORLD AWARD 2026**

40. Alhamdulillah, MBS sekali lagi telah mengharumkan nama negara setelah projek Lorong Seni Seremban atau Seremban Street Art berjaya dinobatkan sebagai pemenang **GREEN WORLD AWARDS 2026** bagi kategori **NATIONAL GOVERNMENT : SUSTAINABILITY** iaitu **GLOBAL GOLD WINNER**. Saya dan pasukan MBS telah ke Cardiff Castle, Wales, United Kingdom pada 13 April 2026 lalu bagi menerima anugerah ini.
41. MBS turut menerima Sijil Penghargaan bagi penyertaan Kategori Environmental Project bagi projek Seremban Street Art. Anugerah dan

penghargaan yang diterima ini adalah satu kebanggaan untuk seluruh warga Bandaraya Seremban.

42. Apa yang menarik tentang kejayaan ini ia bukan datang daripada projek mega atau pembangunan berskala besar, Sebaliknya, ia bermula daripada sesuatu yang sangat sederhana — sebuah lorong belakang yang sebelum ini terbiar. Kita ubah lorong tersebut menjadi ruang yang hidup penuh dengan seni, warna, dan aktiviti komuniti.
43. Kejayaan ini berjaya mengangkat identiti Seremban melalui seni dan budaya tempatan. Inilah yang kita maksudkan sebagai pembangunan bandar mampan bukan sekadar membina sesuatu yang baharu, tetapi menghidupkan semula apa yang telah kita miliki. Inilah yang kita maksudkan sebagai pembangunan bandar mampan — bukan sekadar membina sesuatu yang baharu, tetapi menghidupkan semula apa yang telah kita miliki.
44. Setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat daripada warga kerja MBS, komuniti setempat, sehinggalah kepada para penggiat seni yang telah mencurahkan idea dan tenaga. Terima kasih diucapkan kepada barisan Kerajaan Negeri Sembilan yang diterajui oleh YAB Dato' Seri Utama Haji Aminuddin bin Harun Menteri Besar Negeri Sembilan yang sentiasa menyokong usaha MBS bagi memperolehi kejayaan ini. Kejayaan ini adalah kejayaan kita bersama. Semoga pencapaian ini menjadi pemangkin untuk kita terus

melangkah lebih jauh dalam membangunkan bandar Seremban sebagai bandar yang mampan, bersih dan berdaya saing.

## **PENUTUP**

YB / YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

### **PELAKSANAAN BEKERJA DARI RUMAH BAGI PERKHIDMATAN AWAM BERIKUTAN KONFLIK ASIA BARAT**

45. Seperti yang sedia maklum, melalui Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (PPSM) Ceraian SR.4.1.2: Dasar Bekerja dari Rumah (BDR) telah memperuntukkan dasar, syarat dan peraturan BDR. Berikutan konflik yang berlaku di Asia Barat, Kerajaan telah bersetuju supaya Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan untuk melaksanakan BDR secara berperingkat sebagai langkah strategik negara dalam memperkukuh kesiapsiagaan mendepani krisis tenaga global.
  
46. Saya percaya Jabatan Khidmat Pengurusan MBS telah pun mengedarkan pemakluman dan arahan bermulanya bekerja daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan pada 15 April 2026 mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan. Tuan-Tuan & Puan-puan Ketua Jabatan & Unit MBS juga perlulah mengatur perancangan pelaksanaan BDR pasukan tuan-puan untuk kelangsungan operasi. BDR bukanlah “Berehat Dan Relax”, tetapi “Bekerjalah Dengan Rajin”. Walau di mana kita berada, amanah dan tanggungjawab tetap perlu dilaksanakan dengan penuh komitmen, disiplin dan integriti demi

memastikan penyampaian perkhidmatan sentiasa berada pada tahap terbaik

47. Dalam melaksanakan BDR ini, saya ingin menegaskan bahawa komunikasi yang berkesan serta pemantauan kerja yang tersusun amatlah penting. Gunakan sepenuhnya kemudahan teknologi dan platform digital yang tersedia bagi memastikan setiap tugas dapat diselaraskan dengan baik, laporan dapat dipantau secara berkala, serta sebarang isu dapat ditangani dengan segera. Budaya kerja berpasukan perlu terus diperkukuh walaupun kita tidak berada di lokasi yang sama
48. Walau bagaimanapun, pelaksanaan BDR ini juga menuntut komitmen yang tinggi daripada setiap warga kerja. Disiplin diri, kebertanggungjawaban serta integriti perlu sentiasa dipelihara agar mutu penyampaian perkhidmatan tidak terjejas. Saya yakin, dengan semangat kebersamaan dan profesionalisme yang kita miliki, kita mampu menyesuaikan diri dengan pendekatan ini dan terus memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat.
49. Dikesempatan ini juga, saya ingin mengambil peluang untuk mengucapkan **Selamat Hari Pekerja** yang bakal disambut pada Jumaat hadapan, 1 Mei 2026 dengan tema “**Pekerja MADANI Kesuma Bangsa**”. Semoga sambutan ini menjadi pemangkin kepada kita semua untuk terus meningkatkan mutu kerja, memperkukuh

semangat berpasukan serta menghargai setiap peranan yang dimainkan dalam organisasi.

50. Sambutan Hari Pekerja ini bukan sekadar satu penghargaan, tetapi juga sebagai peringatan kepada kita semua tentang nilai usaha, ketekunan dan pengorbanan dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan. Setiap warga kerja memainkan peranan yang signifikan dalam memastikan perkhidmatan yang diberikan sentiasa cekap, berkualiti dan berimpak tinggi kepada masyarakat.
  
51. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada seluruh warga Majlis Bandaraya Seremban atas komitmen dan dedikasi yang tidak pernah luntur. Teruskanlah bekerja dengan penuh integriti, semangat kebersamaan dan profesionalisme agar kita dapat bersama-sama membawa organisasi ini ke tahap yang lebih cemerlang.

Sekian, *Wabillah Wal Taufiq Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

**DATO' Ir. Ts. HAJI MASRI BIN BAHARUDDIN**  
**DATUK BANDAR**  
**MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**  
UNIT PERHUBUNGAN KORPORAT  
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN  
27 APRIL 2026